

BULETIN CITRA

KOLEJ KEDIAMAN
UiTM KAMPUS SUNGAI BULOH
SELAYANG & TELUK INTAN



eISSN 2821-3602



SIDANG REDAKSI

Penaung

Profesor Dr Ahmad Taufek Abdul Rahman

Ketua Editor

En. Mohd Yazrie Jacob

Penyelaras

Pn. Nurul Nadzirah Ismail, Pn. Alliya Amira Yasin, Pn. Suhaili Ajib, Pn. Noor Aznie Aziz,
En. Hilmi Abdullah, En. Muhammad Aliff Haikal Roslan

Penyedia Laporan

Puteri Nurin Balqis Mohammad Fahmi, Nur Imannina Sahrian, Mohammad Azhar Azumat, Alya Syafiqah Shafie, Mumtazah Aiesyah Hassan, Muhammad Shabrun Izz Hail Shahrizalhisham, Mohammad Akmal Mohd Ashari, Mohammad Shameer Ihaping, Amirah Aqilah Khairulnizam, Durathul Jannah Aisyah Mohamad Awi, Nur Sarah Qistina Mohd Sani, Wan Muhammad Afif Nazrul Anuar, Siti Khodijah Khoirolanuar, Azrai Sazwan Suhaimi

Pereka Grafik dan Susun Atur

Encik Mohd Yazrie Jacob, Solehah Mohd Basri, Aina Asyiqin Md Khaizan

Sidang Redaksi Buletin Citra merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada barisan pengurusan tertinggi UiTM Cawangan Selangor Kampus Sungai buloh & Selayang dan semua Bahagian di UiTM yang menjayakan penerbitan buletin Edisi Januari-Jun 2023.

Sebarang makluman dan pertanyaan
sila hubungi:

Sidang Redaksi Buletin Citra
Jawatankuasa Perwakilan Kolej
Sesi 2022/2023
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Selangor
Kampus Sungai Buloh
47000 Sungai Buloh
SELANGOR



BULETIN CITRA

KOLEJ KEDIAMAN
UiTM KAMPUS SUNGAI BULOH
SELAYANG & TELUK INTAN

ISI KANDUNGAN

KATA ALUAN DARIPADA PENOLONG REKTOR	1
SEKALUNG PENGHARGAAN MANTAN PENGETUA KOLEJ	2
SELAMAT DATANG & SELAMAT BERTUGAS EN MUHAMMAD ALIFF HAIKAL ROSLAN	3
AKTIVITI SRK	4
AKTIVITI PELAJAR	
SUAI KENAL PELAJAR TAHUN 1	6
ANNUAL GENERAL MEETING JPK	8
KURSUS PENGURUSAN ORGANISASI (KPO)	9
FOOD FOR LIFE	12
JALINAN KASIH UKHUWAH JANNAH	14
GEMA TAKBIR 2023, MENCARI KASIH ILAHI	17
USB LOVE & CARE	19
BERSIH, CANTIK & CERIA (B2C)	21
PALETTE PERKS & BOONDLE	22
INCOLL E-SPORT	24
WAYANG PACAK	25

Kata Aluan

Assalaamualaikum WBT dan Salam Malaysia Madani.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan TAHNIAH! Kepada pasukan produksi Buletin Citra yang telah berjaya menerbitkan Buletin Citra Bil.5/2023 Edisi Januari - Julai 2023. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Buletin Citra di atas peluang dan kesempatan memberi kata-kata aluan disini.

Pelbagai aktiviti yang telah dirancang dan berjaya dilaksanakan bagi tempoh separuh tahun pertama sehingga Jun 2023. Tahniah kepada pasukan Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK), Staf Residen Kolej (SRK), Unit Pengurusan Kolej (UPK) dan seluruh warga mahasiswa di UiTM Kampus Sungai Buloh, Selayang & Teluk Intan.

Antara aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan adalah termasuk aktiviti modal insan, program berimpak, berkualiti, kemasyarakatan, perkhidmatan, pengembangan ilmu dan kemahiran di kalangan mahasiswa. Melalui aktiviti seperti ini, saya percaya, para mahasiswa di Kolej Kediaman UiTM Kampus Sungai Buloh, Selayang & Teluk Intan berpeluang untuk saling kenal-mengenal dengan lebih rapat dan dapat mengeratkan hubungan siratulrahim. Program yang telah dilaksanakan secara interaksi begini tentunya akan menyuntik semangat kerja berpasukan dengan lebih baik dan secara tidak langsung di kalangan mahasiswa di kolej kediaman.

Besarliah harapan saya agar keterlibatan para mahasiswa di dalam program-program Kolej Kediaman ini dapat memenuhi keperluan rohani, jasmani, emosi dan intelek dan sekaligus membentuk keperibadian mahasiswa yang seimbang. Oleh demikian perancangan program yang lebih kreatif dan berinovasi mampu menyentuh seluruh aspek pembangunan mahasiswa dan moga ianya dijadikan budaya dan amalan untuk sentiasa diteruskan. Saya juga amat berharap agar semua mahasiswa UiTM di kampus ini dapat mewujudkan hubungan yang baik dan berkesan sama ada dengan sesama mahasiswa, kakitangan mahupun sesiapa sahaja disamping meningkatkan lagi kualiti program di antara ketiga-tiga kampus ini.

Akhir kalam, nasihat saya kepada semua mahasiswa agar sentiasa menjaga kualiti dan juga profesionalisme di kolej kediaman dan seterusnya menjaga nama baik kampus serta universiti.

Profesor Dr. Ahmad Taufek bin Abdul Rahman

Penolong Rektor

UiTM Kampus Sungai Buloh, Selayang & Teluk Intan



Sekalung Penghargaan

Terima Kasih!



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan
Selangor



JAWATANKUASA PERWAKILAN
KOLEJ UiTM

TS. RD AIDIFITRINA KHIROTDIN

PENSYARAH KANAN
FAKULTI PERGIGIAN

DI ATAS JASA BELIAU
SEPANJANG BERKHIDMAT
SEBAGAI **PENGETUA KOLEJ**
DI KOLEJ KEDIAMAN
UiTM KAMPUS SUNGAI BULOH,
SELAYANG & TELUK INTAN

15 JANUARI 2019 - 14 JANUARI 2023



Ikhtlas Daripada:
SIDANG REDAKSI BULETIN CITRA KSBSTI

EXCELLENT . SYNERGY . INTEGRITY

@JPKUSB

Selamat Datang &

SELAMAT BERTUGAS

ENCIK MUHAMMAD ALIFF HAIKAL ROSLAN

STAF RESIDEN KOLEJ
KOLEJ KEDIAMAN 2
UiTM KAMPUS SUNGAI BULOH




IKHLAS DARIPADA
SIDANG REDAKSI BULETIN CITRA
& WARGA KOLEJ KEDIAMAN
UiTM KAMPUS SUNGAI BULOH, SELAYANG
& TELUK INTAN

AKTIVITI SRK


TANYA SRK

TANYA SRK

Tanya SRK merupakan platform bagi penghuni Kolej untuk mengemukakan sebarang pertanyaan, pendapat dan cadangan berkaitan kebajikan dan pembangunan pelajar. Daftar segera untuk slot temujanji secara bersemuka atau atas talian.

 Ahad & Jumaat

 9.00 PM

 Kolej Sungai Buloh,
Bilik Lounge SRK, RC2
Kolej Selayang,
Bilik Serbaguna (Depan Taska)

Daftar segera untuk slot temujanji



Cawangan Selangor
Kampus Sungai Buloh
Kampus Selayang



Pn Suhaili



Pn Nurul Nadzirah



Pn Alliya



En Hilmi



Pn Noor Aznie



En Yazrie



En Haikal

POSTER MINGGUAN





***AKTIVITI
PELAJAR***



SUAI KENAL PELAJAR TAHUN 1

08 JANUARI 2023 | KOMPLEKS AUDITORIUM KHALID YUSOFF
FAKULTI PERUBATAN, UITM KAMPUS SUNGAI BULOH

Program Suai Kenal Pelajar Tahun 1 merupakan program yang dianjurkan oleh Unit Pengurusan Kolej (UPK) UiTM Kampus Sungai Buloh khusus sempena mengalu-alukan kedatangan pelajar baharu tahun pertama Fakulti Pergigian dan Perubatan yang sepenuhnya berada di kampus. Program ini telah diadakan pada 8 Januari 2023 bertempat di Kompleks Auditorium Khalid Yusoff, Fakulti Perubatan dan telah disempurnakan oleh YBhg. Prof. Dr. Ahmad Taufek Abdul Rahman, Penolong Rektor UiTM Sungai Buloh, Selayang dan Teluk Intan.

Matlamat utama program ini dijalankan adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar baharu tentang kemudahan asas dan frasarana di Kampus Sungai Buloh di samping memberi penerangan tentang peraturan Akta 174 yang perlu dipatuhi oleh semua pelajar UiTM. Selain itu, program ini juga bertujuan memberi motivasi kepada pelajar penerapan untuk menguruskan diri sendiri serta menyemarakkan semangat menimba ilmu bagimencapai tahap kecemerlangan.



Akhir kata, program ini telah dapat menyemai dan memupuk nilai-nilai murni, jati diri serta personaliti pelajar yang unggul di kalangan pelajar Fakulti Perubatan dan Pergigian. Diharapkan program seperti ini dapat diteruskan lagi di semester hadapan dan dapat memberi manfaat sebaiknya kepada mahasiswa baharu.



Thank You

For making MDS
Okt - Jan 2023 happenings





ANNUAL GENERAL MEETING JPK

19 JANUARI 2023 | KOMPLEKS AUDITORIUM KHALID YUSOFF
FAKULTI PERUBATAN, UITM KAMPUS SUNGAI BULOH

Program Annual General Meeting Jawatankuasa Perwakilan Kolej sesi 2021/2022 telah diadakan pada 19 Januari 2023 di Kompleks Auditorium Khalid Yusoff, Fakulti Perubatan, UiTM Kampus Sungai Buloh. Program ini telah dihadiri seramai 150 orang pelajar yang terdiri dari penghuni Kolej RC1, RC2 dan RC3. Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Prof. Dr. Ahmad Taufek Abdul Rahman, Penolong Rektor UiTM Kampus Sungai Buloh, Selayang dan Teluk Intan. Annual General Meeting merupakan program tahunan yang mesti dilaksanakan oleh setiap persatuan setiap kali perubahan lantikan jawatankuasa dilakukan. Program ini merupakan sebuah platform yang terbaik untuk memperkenalkan barisan kepimpinan baharu Jawatankuasa Perwakilan

Kolej sesi 2022/2023 kepada semua penghuni kolej.

Program ini juga membentangkan aktiviti dan laporan kewangan sesi lepas supaya semua pelajar cakna dengan program yang telah dilaksanakan untuk pembangunan sahsiah pelajar. Akhir sekali, program ini telah memberi peluang kepada penghuni kolej untuk bertanyakan soalan atau bertukar pandangan dengan saluran yang betul mengenai isu di kolej kediaman untuk kebaikan bersama. Program ini adalah salah satu platform terbaik di antara pelajar dan pihak pengurusan UiTM Kampus Sungai Buloh, Selayang dan Teluk Intan untuk menyuarakan pandangan mereka tentang penambahbaikan kolej Kediaman.





KURSUS PENGURUSAN ORGANISASI

06 MAC 2023 | UITM KAMPUS SUNGAI BULOH, UITM KAMPUS TELUK INTAN & PANTAI TELUK BATIK, PERAK



Unit Pengurusan Kolej UiTM Kampus Sungai Buloh, Selayang dan Teluk Intan telah menganjurkan Kursus Pengurusan Organisasi (KPO) dengan jayanya selama 3 hari 2 malam bermula dari 24 Februari sehingga 26 Februari 2023 di dua kampus iaitu UiTM Kampus Sungai Buloh dan juga UiTM Kampus Teluk Intan. Program ini juga telah diadakan secara luar kampus iaitu di Pantai Teluk Batik, Perak. Terdapat beberapa sesi yang dijalankan selaras dengan objektif dan matlamat program untuk melahirkan mahasiswa yang dinamis, berilmu dan mempunyai kredibiliti tinggi sejajar dengan

wawasan Universiti dalam melahirkan graduan yang mempunyai jati diri dan sahsiah yang unggul Pelan Strategik UiTM 2025 ke arah kepimpinan pelajar yang global dengan tema "Menyerlah Potensi, Membentuk Masa Hadapan". Selain itu juga, dengan adanya program seperti ini diharapkan akan dapat terus menyuntik semangat di kalangan ahli Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPK) dan Sekretariat Kolej dalam mengendalikan program yang berimpak tinggi sepanjang sesi 2022/2023 ini.

Kursus Pengurusan Organisasi (KPO) ini telah dapat memberikan pendedahan kepada peserta berkaitan pengetahuan dan pengalaman mengendalikan pengurusan sesebuah organisasi dan cara menyediakan program berimpak besar sepanjang sesi 2022/2023 kepada semua pelajar. Peserta juga telah didedahkan dengan persediaan dalam menghadapi cabaran untuk bekerja secara berpasukan yang fokus kepada kemahiran komunikasi, tindakan dalam membuat keputusan dan cara berfikir secara strategik, inovasi dan kreatif. Peserta juga telah dilatih untuk menjadi seorang pemimpin dalam dunia realiti yang sebenar dalam membentuk jati diri yang kukuh. Secara tidak langsung program ini juga turut mengajar peserta cara untuk membentuk sinergi dalam mengeratkan hubungan di antara peserta yang datang dari fakulti yang berbeza tetapi ditempatkan di dalam satu kampus yang sama iaitu dari Fakulti Perubatan dan Fakulti Pergigian. Sebanyak 6 Latihan Dalam Kumpulan (LDK) yang telah disusun di dalam kursus ini iaitu :

LDK 1: Ice Breaking

LDK 2 : Membina Kejayaan Dalam Satu Pasukan

LDK 3 : Rambut sama hitam, hati lain-lain

LDK 4 : Winner Characters

LDK 5 : Perancangan Strategik

LDK 6 : SIAPA JUARA?





Peserta juga telah didedahkan dengan format sebenar penyediaan dan penulisan kertas kerja secara teori dan praktikal. Pelajar juga diajar cara penulisan kertas kerja berimpak besar disamping pelajar untuk berfikir secara kreatif dan di luar kotak dalam merancang dan menyediakan program bersama-sama ahli kumpulan. Peserta juga telah diberi pendedahan untuk menyediakan program yang lebih berkualiti mengikut KPI dan objektif program yang telah ditetapkan oleh pihak. Selain itu juga, peserta diberi pendedahan berkaitan Pengurusan Mata

Point E-merit dan Pengurusan Kewangan JPK, Komunikasi Visual, dan Prosedur Permohonan Sumbangan Luar bagi Program Pembangunan Pelajar UiTM.

Diharap agar program ini akan memberikan manfaat kepada para peserta. selain itu juga, pengalaman dan pengetahuan yang diperolehi daripada program ini dapat digunakan pada masa akan datang bagi melahirkan pemimpin yang telus dan ikhlas dalam bekerja.






FOOD FOR LIFE

16 APRIL 2023 | PUSAT TRANSIT GELANDANGAN KUALA LUMPUR

Program Food For Life bersama gelandangan ini merupakan inisiatif murni dari Jawatankuasa Perwakilan Kolej UiTM Kampus Sungai Buloh, Selayang & Teluk Intan bagi merapatkan hubungan diantara para pelajar bersama golongan gelandangan pada bulan Ramadan yang mulia ini melalui perkongsian rezeki dan memberikan perkhidmatan kesihatan secara percuma kepada mereka. Program ini telah dijalankan di Anjung Kembara ,Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur bermula jam 3.30 petang sehingga jam 8.00 malam. Program ini bertemakan 'Help For Those In Needs'.

Jawatankuasa Perwakilan Kolej UiTM Kampus Sungai Buloh, Selayang & Teluk Intan amat berbesar hati kerana telah diberi peluang oleh pihak pengurusan kampus untuk menganjurkan program amal ini. Dengan keadaan ekonomi sekarang, ramai masyarakat berjuang untuk menyara diri dan keluarga mereka dan sebahagian daripada mereka akhirnya terpaksa menjadi gelandangan kerana tidak dapat menampung kos hidup yang tinggi terutamanya apabila berada di bandar besar seperti Kuala Lumpur.

Ramai generasi muda pintar dan berpendidikan, selain mempunyai tahap kesedaran tinggi kepada Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR). Ianya merupakan satu



menifestasi atau terjemahan komitmen tanggungjawab sosial sesebuah Institusi Pendidikan terhadap masyarakat. Komitmen kepada program CSR diusahakan ini khusus bagi meningkatkan kesedaran masyarakat kepada golongan gelandangan ini dan membantu individu ini sebagai sebahagian daripada tanggungjawab pelajar. Oleh yang demikian, program ini telah memberikan impak yang baik kepada masyarakat dan telah dapat meyakinkan golongan ini yang mereka tidak disisihkan dan diabaikan. Program ini telah disertai seramai 90 orang yang terdiri daripada 33 orang Ahli Jawatankuasa Perwakilan Kolej (pelajar daripada Fakulti Perubatan dan Fakulti Pergajian), 7 orang Staf Residen Kolej (SRK) dan telah melibatkan penghuni pusat transit gelandangan seramai 50 orang. Program ini juga telah berkolaborasi bersama Naif Charity dan UiTM Students Surgical Skills Association (U.S.S.A).

Program ini juga telah dapat dilaksanakan dengan lancar dimulakan dengan pemeriksaan kesihatan (Blood Pressure, Blood Glucose, BMI) yang ditawarkan secara percuma kepada semua golongan gelandangan. Setelah selesai pemeriksaan kesihatan, Jawatankuasa Perwakilan Pelajar mengagihkan makanan berbuka puasa kepada semua yang hadir. Majlis diteruskan dengan Majlis Penutup yang disempurnakan oleh Profesor Dr. Ahmad Taufek Abdul Rahman, Penolong Rektor UiTM Kampus Sungai Buloh, Selayang & Teluk Intan. Program diakhiri dengan pemberian sumbangan kepada wakil Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur.

Semoga program seumpama ini dapat diteruskan disamping dapat merapatkan hubungan sesama masyarakat dan pelajar universiti. Selain itu, ianya dapat memupuk sifat ihsan dalam kalangan pelajar terhadap nasib golongan gelandangan yang terpinggir daripada masyarakat dan dapat memberikan manfaat kepada mereka khususnya.





JALINAN KASIH UKHUWAH JANNAH

17 MEI 2023 | KOLEJ KEDIAMAN UTM KAMPUS SUNGAI BULOH

Sambutan hari penuh kemenangan, Hari Raya Aidilfitri lebih bermakna apabila dapat diraikan dengan golongan yang memerlukan. Di atas keprihatinan dan kesedaran ini, bersempena bulan Syawal Al-Mubarak yang mulia ini, Unit Pengurusan Kolej (UPK) bersama Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) telah menganjurkan Program Majlis Jalinan Kasih Ukhuwah Jannah

bersama anak-anak yatim dari Rumah Kebajikan Ehsan Al-Shakur (PEKEAS).

Majlis ini telah dirasmikan dan disempurnakan oleh YBhg. Prof. Datuk Dr. Hajah Roziah Mohd Janor, Naib Canselor Universiti Teknologi MARA Yang turut menyerahkan sumbangan duit raya dan door gift raya kepada anak-anak yatim ini.



Turut hadir pada majlis istimewa ini ialah YBhg. Prof. Ts. Dr Asmah Awal (Pemangku Rektor), YBhg. Prof. Dr. Ahmad Taufek Abdul Rahman (Penolong Rektor), YBhg. Prof. Madya Dr. Fazah Akhtar Hanapiah (Dekan Fakulti Perubatan), Ketua-Ketua Unit UiTM Kampus Sungai Buloh, Selayang & Teluk Intan, Staf Residen Kolej, Barisan Staf Unit Pengurusan Kolej, Majlis Perwakilan Pelajar Fakulti Perubatan dan Pergigian, Persatuan Pelajar serta Sekretariat Kolej Kediaman.

Selain itu, Encik Mohd Adlan Bin Senin yang merupakan Pengurus Pentadbiran Rumah Kebajikan Ehsan Al-Shakur (PEKEAS) merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak penganjur yang sudi menjemput mereka untuk meraikan Hari Raya Aidilfitri pada kali ini. Majlis ini bukan sahaja telah memberi peluang kepada anak-anak yatim di bawah seliaan beliau untuk menikmati kemeriahan berhari raya bersama, disamping itu juga dapat merapatkan hubungan silaturahim antara anak-anak yatim bersama pelajar-pelajar UiTM. Beliau juga berharap agar hubungan siratulrahim ini dapat



dikekalkan dan dipanjangkan kepada program lain pada masa akan datang. Program ini juga telah dihadiri seramai 500 orang tetamu yang terdiri daripada anak-anak yatim seramai 40 orang dan warga UiTM Kampus Sungai Buloh, Selayang & Teluk Intan iaitu seramai 460 orang.





Majlis ini telah dapat dilaksanakan dengan meriah dengan harapan dapat memberikan kegembiraan kepada anak-anak yatim untuk bersama meraikan bulan syawal yang mulia ini bersama para pelajar dan warga UiTM. Semoga program dan majlis seperti ini dapat dijadikan sebagai salah satu wadah atau platform untuk mengeratkan siratulrahim diantara pelajar dan komuniti luar.

Di akhir kalam, setinggi-tinggi ucapan penghargaan diberikan YBhg. Prof. Datuk Dr. Hajah Roziah Mohd Janor, Naib Canselor Universiti Teknologi MARA dan semua wakil dari UiTM Cawangan Selangor, serta wakil Kampus Sungai Buloh, Selayang & Teluk Intan yang telah hadir bagi memeriahkan majlis ini. Semoga majlis seperti ini dapat diteruskan lagi di masa akan datang.




FORUM GEMA TAKBIR: MENCARI KASIH ILAHI

17 MEI 2023 | KOMPLEKS AUDITORIUM KHALID YUSOFF,
FAKULTI PERUBATAN UiTM KAMPUS SUNGAI BULOH

Program Forum Gema Takbir 2023 (Mencari Kasih Ilahi) telah diadakan bertempat di Kompleks Auditorium Khalid Yusoff, Fakulti Perubatan, UiTM Kampus Sungai Buloh secara hibrid juga dipancarkan secara langsung melalui live streaming Youtube. Program ini telah dihadiri seramai 150 orang warga UiTM yang terdiri daripada pelajar Fakulti Pergigian dan pelajar Fakulti Perubatan serta barisan Staf Residen Kolej.

Majlis ini telah dianjurkan oleh Jawatankuasa Perwakilan Kolej UiTM Kampus Sungai Buloh & Selayang iaitu seramai 28 orang ahli jawatankuasa program yang juga terdiri daripada pelajar daripada Fakulti Perubatan dan Fakulti Pergigian. Sesi uaputama dan perasmian bagi forum ini telah disempurnakan oleh YBhg. Prof. Dr. Ahmad Taufek Abdul Rahman yang merupakan Penolong Rektor UiTM Kampus Sungai Buloh, Selayang & Teluk Intan.

Forum ini telah juga telah menjemput 2 orang panel jemputan iaitu Da'i Wan (Wan Dazrin Wan Din) yang merupakan pendakwah bebas, juga Ustaz Adam bin Zakaria, Penolong Pendaftar Unit Hal Ehwal Islam daripada Bahagian Spiritualiti dan Kaunseling, Hospital Sultan Abdullah UiTM. Manakala moderator pula ialah Saudara Akmal Haziq, pelajar tahun 1 daripada Fakulti Pergigian.





Forum ini telah diadakan sebanyak 2 pusingan dan 4 soalan yang diajukan daripada moderator serta 5 soalan yang diajukan daripada pelajar. Tujuan program ini diadakan adalah untuk mendidik pelajar supaya mensyukuri nikmat Allah SWT kerana masih diberi kesempatan bertemu dan meraikan perayaan Aidilfitri pada tahun 2023 ini bersama-sama dengan ahli keluarga mahupun sahabat handai.

Diharapkan agar program forum seperti ini dapat terus diadakan pada masa akan datang. Memetik kata-kata Buya Hamka iaitu iman tanpa ilmu bagaikan lentera di tangan bayi. Namun, ilmu tanpa iman, bagaikan lentera di tangan pencuri. Di atas maksud yang sama dengan objektif program yang turut menekankan konsep menyeluruh dan bersepadu, keseimbangan antara kognitif perlu diwujudkan bersama-sama dengan pembentukan sahsiah (akhlak) dan nilai. Asas kepada keseimbangan ini terletak kepada kepercayaan (faith) dan kepatuhan (submission) kepada Tuhan.





USB LOVE & CARE

03 JUN 2023 | PUSAT JAGAAN YAYASAN KASIH SAYANG NEGERI SEMBILAN

Program USB LOVE & CARE dengan tema WE LOVE, WE CARE merupakan inisiatif murni daripada Jawatankuasa Perwakilan Kolej dan Unit Pengurusan Kolej UiTM Kampus Sungai Buloh, Selayang & Teluk Intan dengan menyantuni anak-anak daripada Pusat Jagaan Yayasan Kasih Sayang Negeri Sembilan (YKSNS) bagi merapatkan hubungan di antara para pelajar bersama golongan yang memerlukan.

YKSNS adalah sebuah NGO berdaftar dan telah beroperasi semenjak tahun 2006 dengan menyediakan kemudahan penginapan kepada kanak-kanak yang memerlukan perlindungan disebabkan oleh faktor-faktor tertentu. Penghuni di YKSNS juga terdiri daripada kalangan saudara baru, golongan asnaf, ibu tunggal, remaja dan saudara yang memerlukan bimbingan serta pertolongan daripada masyarakat khususnya. Program ini telah bermula pada jam 7.30 pagi dan telah selesai pada jam 5.00 petang.

Program ini telah dirasmikan oleh Profesor Dr. Ahmad Taufek Abdul Rahman, Penolong Rektor UiTM Kampus Sungai Buloh, Selayang & Teluk Intan. Seramai 20 orang urusetia yang hadir terdiri daripada Staf Residen Kolej, Jawatankuasa Perwakilan Kolej, Sekretariat Kolej dan juga Sukarelawan daripada Fakulti Perubatan dan Fakulti Pergigian.



Objektif utama program ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar universiti tentang aktiviti komuniti dan masyarakat setempat serta memberi bantuan kepada rumah pusat jagaan seperti YKSNS ini dalam bentuk sumbangan wang ringgit, makanan kering dan lain-lain keperluan.

Banyak aktiviti yang telah dapat diadakan dalam program ini. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan ialah sesi suai kenal, permainan puzzle, pengagihan makanan Happy Meals McD, Senamrobik, Sukaneka dan Pemberian Sumbangan dari UiTM Kampus Sungai Buloh, Selayang & Teluk Intan iaitu wang tunai melalui mock cheque, hamper dan hadiah. Antara sumbangan lain yang telah dipanjangkan adalah sumbangan dari Syarikat Faiza Sdn. Bhd. dan sumbangan individu iaitu wang tunai, makanan kering, dan barang keperluan harian.

Semoga program seumpama ini dapat diteruskan disamping dapat merapatkan hubungan sesama masyarakat dan pelajar universiti. Selain itu, ianya dapat memupuk sifat ihsan dalam kalangan pelajar terhadap nasib golongan yang kurang bernasib baik dan memerlukan bantuan sewajarnya.





BERSIH, CANTIK & CERIA (B2C)

JANUARI - JUN 2023 | KOLEJ KEDIAMAN, UITM KAMPUS SUNGAI BULOH & SELAYANG

Program Bersih, Cantik dan Ceria (B2C) adalah kesinambungan program keceriaan kediaman yang telah dianjurkan pada setiap tahun. Tujuan utama program ini dilangsungkan adalah bagi menanam dan memupuk sifat kerjasama antara penghuni rumah dalam dalam hal kebersihan dan keceriaan. Di samping itu, Program B2C ini juga dianjurkan bertujuan untuk mengeratkan hubungan antara para SRK dan JPK dengan para penghuni kolej.



program ini tidak dinafikan telah mampu membantu pelajar dan penghuni kolej dalam hal-hal berkaitan peraturan kolej, khususnya bagi pelajar baharu. Dengan lawatan rumah ke rumah ini, para SRK dan JPK berpeluang untuk memberi informasi berguna kepada semua pelajar berkaitan peraturan kolej dan kemudahan fasiliti yang terdapat di kolej kediaman. Secara tidak langsung mampu meningkatkan kesedaran, disiplin dan kebersamaan dalam mencapai objektif yang ditekankan oleh pihak universiti.

program yang baik seperti ini akan terus dilaksanakan dari semasa ke semasa demi merealisasikan matlamat untuk menjadi kampus beradab.





PALETTE PERKS & BOONDLE

JANUARI - JULAI 2023 | UITM KAMPUS SUNGAI BULOH



Pihak Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) melalui Exco Keusahawanan telah memulakan langkah menyahut saranan pihak Universiti untuk membudayakan bidang keusahawanan dengan membuka 'Gerai Palette Perks' dan 'Gerai Boondle' di beberapa platform keusahawanan anjuran fakulti dan kampus.

Antara jualan Gerai Palette Perks yang mendapat sambutan yang baik dikalangan pelajar ialah jualan makanan dan minuman seperti Chicken Wrap, Oden, Popia, Croffle, Kek dan Air Katira. Terdapat juga jualan bunga hiasan yang dihias sendiri oleh pelajar. Manakala Gerai Boondle pula adalah jualan buku-buku rujukan terpakai daripada pelajar senior dengan harga mampu milik yang mampu mengurangkan beban kewangan pelajar .

Penekanan awal dalam bidang keusahawanan adalah penting dalam membentuk minat, kecenderungan serta pembangunan bakat mahasiswa. Justeru semua pihak perlu bekerjasama dalam membentuk ekosistem keusahawanan seperti ini.



Boondle



Palette Perks



KARNIVAL SUKAN ANTARA KOLEJ



INCOLL ESPORT

17 JUN - 9 JULAI 2023

UiTM CAWANGAN SELANGOR
KAMPUS PUNCAK ALAM

Anjuran:

Unit Sukan
Bahagian Hal Ehwal Pelajar
UiTM Cawangan Selangor
Dengan Kerjasama Jawatankuasa Sukan Pelajar



INFO INCOLL



INCOLL E-SPORT

17 JUN - 9 JULAI 2023 | UiTM KAMPUS PUNCAK ALAM



Tahniah diucapkan kepada Mohamed Irfan bin Basheer Mohamed, pelajar tahun 2 Fakulti Perubatan atas kejayaan merangkul pingat gangsa acara sukan E-Sport bagi Kategori Tekken 7 di Karnival Sukan Antara Kolej (INCOLL) yang berlangsung pada 17 Jun 2023 hingga 9 Julai 2023 bertempat di Universiti Cawangan Selangor, Kampus Puncak Alam.

Semoga dengan kejayaan ini akan menjadi pendorong dan asbab kebangkitan sukan E-Sport di kalangan pelajar lain khususnya di UiTM Kampus Sungai Buloh.

WAYANG PACAK

MEI-DISEMBER 2023
8:45 PM - 10:45 PM

KOLEJ KEDIAMAN
UITM KAMPUS SUNGAI BULOH

ANJURAN
JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ GPKO
UITM CAWANGAN SELANGOR
KAMPUS SUNGAI BULOH SELAYANG & TELUK INTAN
SESI 2022/2023

WAYANG PACAK

MEI - DISEMBER 2023 | UITM KAMPUS SUNGAI BULOH



Wayang Pacak merupakan pertunjukan wayang yang popular sekitar tahun 1960an hingga 1970an di Semenanjung Malaysia. Dengan mengambil konsep dan semangat tersebut, pihak Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) telah menganjurkan Program Wayang Pacak di Kolej Kediaman sebagai wadah hiburan dan dalam masa yang sama menjalankan aktiviti perniagaan.

Program ini telah dijalankan dengan menayangkan filem-filem yang menjadi pilihan pelajar dengan kekerapan sebulan sekali bermula Mei 2023 sehingga Disember 2023. Pakej jualan tiket adalah serendah RM5 di mana harga tersebut adalah termasuk makanan ringan dan minuman. Disamping itu juga, terdapat juga aktiviti perniagaan yang telah dijalankan oleh Exco Keusahawanan.

Program hiburan dan penajaan pendapatan seperti ini telah memberi impak yang baik kepada pelajar dan dalam masa yang sama memberi peluang bersosial dan berhibur sambil berniaga.

 JPKUSB JPKUSB JPKUSB